

# Kempen hentikan pasaran gelap rokok

**SHAH ALAM** - Sebanyak 62 peratus daripada seluruh pasaran tembakau di Malaysia hari ini dikuasai oleh sindiket penyeludupan rokok dan negara kita berada di tangga teratas di dunia bagi rokok seludup yang mengakibatkan kerugian cukai eksais yang mencecah RM5.3 bilion setiap tahun.

Susulan itu, syarikat tembakau yang terulung di Malaysia British American Tobacco (Malaysia) Berhad (BAT Malaysia) bertekad mahu menghentikan pasaran gelap rokok melalui kempen 'Hentikan Pasaran Gelap' dan membuka mata masyarakat terhadap isu ini.

Pengarah Urusan BAT Malaysia, Jonathan Reed berkata, kempen tersebut turut menonjolkan kesan negatif pasaran gelap rokok kepada negara dan mengajak rakyat Malaysia berkongsi pandangan mereka tentang cara untuk membanteras jenayah ini.

"Kami menghar-



gai dan memuji usaha gigih semua agensi penguatkuasaan undang-undang sejak kebelakangan ini dan kami berharap usaha ini akan terus memberi tekanan kepada sindiket yang beroperasi dalam pasaran gelap rokok ini.

“Namun, tindakan penguatkuasaan sahaja tidak mampu menyelesaikan ini. Perhatian yang lebih serius harus diberikan terhadap isu ini dan rakyat perlu diberi peluang untuk menyuarakan pendapat mereka,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Reed berkata, BAT mengambil pendekatan proaktif untuk tampil bersama membendung isu berkenaan sebelum ia bertambah parah kerana pasaran gelap rokok membentuk sebahagian daripada ekonomi gelap bernilai RM300 bilion yang terus menjejaskan pertumbuhan negara.

Beliau berkata, masyarakat boleh menyuarakan pandangan mereka menerusi satu tinjau selidik seluruh negara yang dijalankan secara dalam talian di [www.stoptheblackmarket.com.my](http://www.stoptheblackmarket.com.my) dan boleh berkongsi pendapat di <https://www.facebook.com/stoptheblackmarket>.